



# AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 19 Tahun 2020

## GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK MELALUI TREK KLINIKAL (SUB-TRACK PENGAMAL PROFESIONAL) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan garis panduan kenaikan pangkat staf akademik melalui Trek Klinikal (sub-track Pengamal Profesional) Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah diluluskan pemakaianya melalui Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) ke-43 pada 13 Feb 2020.

### LATAR BELAKANG

2. Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM asalnya telah diluluskan pemakaianya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-62 pada 14 Oktober 2004.

3. Pindaan kali pertama telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan garis panduan kenaikan pangkat ini seterusnya telah dimurnikan di bawah agenda Projek Khas Naib Canselor (VCSP).

4. Pindaan kali kedua telah diluluskan dalam Mesyuarat LPU ke-117 pada 18 April 2011 dan berkuat kuasa mulai Jun 2011. Garis panduan ini secara umum menjelaskan syarat, kriteria, prosedur, proses dan kaedah pemarkahan kenaikan pangkat Pensyarah UiTM yang meliputi kenaikan pangkat gred-gred jawatan di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM) dan gred-gred jawatan di bawah Sistem Saran Baru (SSB).

5. Pindaan kali ketiga telah diluluskan oleh Mesyuarat LPU ke-154 pada 20 September 2016 dan berkuat kuasa pada 01 Julai 2018 berikutan beberapa pemurnian terhadap syarat-syarat kenaikan pangkat yang baharu. Garis panduan ini menyediakan penambahbaikan dari aspek tujuh (7) kriteria penilaian serta syarat-syarat bagi semua gred kenaikan pangkat. Selain itu, ia menyediakan empat (4) kaedah penilaian yang boleh dipilih oleh calon mengikut kekuatan diri seperti berikut:

- Kaedah 1 (Pengajaran & Pembelajaran)
- Kaedah 2 (Penyelidikan (Felo / Penyelidik / Saintis)
- Kaedah 3 (Pengamal Profesional)
- Kaedah 4 (Kepimpinan Institusi)

## **TREK KLINIKAL (DU / DUF / DUG 54 / 56)**

6. Trek Klinikal ini merupakan *sub-track* kepada Trek Pengamal Profesional (Practitioner). Kriteria yang perlu dipenuhi bagi trek ini adalah seperti berikut:

### **6.1 KRITERIA TREK KLINIKAL (KE DU / DUF / DUG 54 / 56)**

Kriteria yang perlu dipenuhi mengikut kaedah penilaian ke gred DU / DUF / DUG 54 / 56 (dengan gelaran) yang dipilih:

#### **6.1.1 Syarat Wajib**

Menyelia sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Kepakaran Klinikal / *Doctor in Clinical Dentistry / Doctor in Dental Public Health* (atau setara dengannya) atau PhD secara penyelidikan sebagai penyelia utama atau penyelia bersama [selama sekurang-kurangnya 12 bulan] **DAN** dua (2) kriteria khusus;

**ATAU**

Menyelia sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana (MSc) atau setara dengannya sebagai penyelia utama atau penyelia bersama [selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk setiap calon] **DAN** dua (2) kriteria khusus;

Bagi pensyarah sepenuh masa di fakulti atau kampus negeri di mana tiada program Ijazah Sarjana Kepakaran Klinikal / *Doctor in Clinical Dentistry / Doctor in Dental Public Health* (atau setara dengannya) dijalankan;

**ATAU**

Menyelia sekurang-kurangnya empat (4) orang calon pascasiswazah / pegawai perubatan / pegawai pergigian yang menjalani latihan sangkutan klinikal selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan untuk setiap calon **DAN** perlu memenuhi empat (4) kriteria khusus;

**ATAU**

Menyelia sekurang-kurangnya 12 projek sarjana muda selama sekurang-kurangnya satu (1) bulan setiap projek **ATAU** empat (4) orang calon Sarjana Muda yang menjalani latihan elektif klinikal selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan untuk setiap calon **DAN** perlu memenuhi empat (4) kriteria khusus.

#### **6.1.2 Kriteria Wajib**

- a. Telah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3)\* hasil akademik yang berkaitan dengan bidang kepakaran dalam gred jawatan semasa; [Tiga (3) artikel dalam jurnal berindeks (WOS / SCOPUS)].

**Nota:** \*menjadi penulis utama sekurang-kurangnya dalam satu (1) artikel

- b. Menjalankan perkhidmatan klinikal sekurang-kurangnya 20 jam seminggu.
- c. Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas diiktiraf sebagai pakar ATAU tiga (3) tahun selepas memperoleh PhD.

#### **6.1.3 Kriteria Khusus**

Memenuhi minimum mana-mana dua (2) kriteria berikut:

- a. Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran atau penyelidikan atau inovasi atau profesional.
- b. Penglibatan dalam pembangunan perkhidmatan klinikal baharu di peringkat fakulti / universiti / kebangsaan / antarabangsa.
- c. Penglibatan dalam penambahbaikan *standard of practice / patient care protocol / audit klinikal* di peringkat fakulti / universiti / kebangsaan / antarabangsa.
- d. Menjana pendapatan kepada universiti dengan nilai melebihi RM50,000.00 sahaja termasuk aktiviti khidmat kepakaran dalam bidang klinikal berkaitan melalui rawatan, prosedur, perundingan atau sumbangan ilmu untuk pembangunan kesihatan dan komuniti.
- e. Pembangun *Massive Open Online Courses (MOOC)* yang aktif digunakan oleh pelajar selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- f. Menjadi pemeriksa sarjana klinikal atau tesis (dalam dan / atau luar negara).
- g. Penglibatan dalam pembangunan garis panduan / polisi / piawai di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- h. Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan / badan profesional di peringkat fakulti atau universiti atau kebangsaan atau antarabangsa.
- i. Perintis Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA) yang menjana pendapatan bersih untuk UiTM (dengan bukti bayaran kepada Bendahari UiTM) ATAU membuka ruang kepada aktiviti masyarakat atau latihan industri / klinikal (dengan bukti aktiviti dilaksanakan).
- j. Mana-mana pencapaian yang tiada di dalam senarai di atas yang diperakukan oleh panel penilai.

**6.1.4 Rumusan Pemarkahan Penilaian Kenaikan Pangkat  
[Gred DU / DUF / DUG 54 / 56]**

| Bil. | Kriteria-Kriteria Umum   | Kaedah Penilaian: Trek Klinikal |
|------|--|---------------------------------|
| 1.   | Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah   | 20% (min 15%)                   |
| 2.   | Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan Inovasi / Pengkomersilan / Keusahawanan | 15% (min 10%)                   |
| 3.   | Perundingan dan / atau Kepakaran   | 45% (min 25%)                   |
| 4.   | Khidmat (Universiti / Masyarakat / Pelajar)                                      | 10% (5%)                        |
| 5.   | Sanjungan dan Anugerah Akademik Kepimpinan Akademik dan Kualiti Keperibadian     | 10% (min 5%)                    |

**6.2 TREK KLINIKAL (GRED VK7)**

Kriteria yang perlu dipenuhi mengikut kaedah penilaian ke gred VK7 (dengan gelaran) yang dipilih:

**6.2.1 Syarat Wajib**

Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Klinikal Kepakaran Klinikal / *Doctor in Clinical Dentistry / Doctor in Dental Public Health* (atau setara dengannya) atau PhD secara penyelidikan sebagai penyelia utama **DAN** dua (2) kriteria khusus;

**ATAU**

Menggraduatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana (MSc) atau setara dengannya sebagai penyelia utama **DAN** dua (2) kriteria khusus;

**ATAU**

Menggraduatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Klinikal Kepakaran Klinikal / *Doctor in Clinical Dentistry / Doctor in Dental Public Health* (atau setara dengannya) atau PhD secara penyelidikan sebagai penyelia bersama **DAN** dua (2) kriteria khusus.

**6.2.2 Kriteria Wajib**

- a. Telah menghasilkan sekurang-kurangnya enam (6)\* hasil akademik yang berkaitan dengan bidang kepakaran dalam gred jawatan semasa; artikel dalam jurnal berindeks (WOS / SCOPUS);  
**Nota:** \*menjadi penulis utama atau penulis *corresponding* sekurang-kurangnya dalam tiga (3) artikel

- b. Menjalankan perkhidmatan klinikal sekurang-kurangnya 20 jam seminggu;

- c. Sekurang-kurangnya enam (6) tahun selepas diiktiraf sebagai pakar **ATAU** enam (6) tahun selepas memperoleh PhD.

### 6.2.3 Kriteria Khusus

Memenuhi minimum dua (2) kriteria berikut:

- a. Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran atau penyelidikan atau inovasi atau profesional.
- b. Penglibatan dalam pembangunan perkhidmatan klinikal baharu di peringkat fakulti / universiti / kebangsaan /antarabangsa.
- c. Penglibatan dalam penambahbaikan *standard of practice / patient care protocol / audit klinikal* di peringkat Fakulti / Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa
- d. Menjana pendapatan kepada universiti dengan nilai melebihi RM100,000.00 sahaja termasuk aktiviti khidmat kepakaran dalam bidang klinikal berkaitan melalui rawatan, prosedur, perundingan atau sumbangan ilmu untuk pembangunan kesihatan dan komuniti.
- e. Pembangun MOOC yang aktif digunakan oleh pelajar selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- f. Menjadi pemeriksa sarjana klinikal atau tesis (dalam dan / atau luar negara).
- g. Penglibatan dalam pembangunan garis panduan / polisi / piawai di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- h. Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan / badan profesional di peringkat fakulti atau universiti atau kebangsaan atau antarabangsa.
- i. Perintis MoU / MoA yang menjana pendapatan bersih untuk UiTM (dengan bukti bayaran kepada Bendahari UiTM) **ATAU** membuka ruang kepada aktiviti masyarakat atau latihan industri / klinikal (dengan bukti aktiviti dilaksanakan).
- j. Mana-mana pencapaian yang tiada di dalam senarai di atas yang diperakukan oleh panel penilai.

#### **6.2.4 Rumusan Pemarkahan Penilaian Kenaikan Pangkat [Gred VK7 (Dengan Gelaran)]**

| Bil. | Kriteria-Kriteria Umum   | Kaedah Penilaian:<br>Trek Klinikal |
|------|--|------------------------------------|
| 1.   | Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah   | 20% (min 15%)                      |
| 2.   | Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan Inovasi / Pengkomersilan / Keusahawanan   | 20% (min 10%)                      |
| 3.   | Perundingan dan / atau Kepakaran   | 40% (min 25%)                      |
| 4.   | Khidmat (Universiti / Masyarakat / Pelajar)  | 10% (5%)                           |
| 5.   | Sanjungan dan Anugerah Akademik<br>Kepimpinan Akademik dan Kualiti<br>Keperibadian | 10% (min 5%)                       |

#### **PELAKSANAAN**

7. Kriteria untuk kenaikan pangkat ke jawatan Gred DU / DUF / DUG 54 / 56 diperincikan dan dinyatakan seperti dalam klausa 6.1, manakala kriteria untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred VK7 diperincikan dan dinyatakan seperti dalam klausa 6.2.

#### **PEMAKAIAN**


8. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Akademik bil. 04 / 2018: Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM 2018.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 November 2020.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 13 Februari 2020.



**PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 17 November 2020